SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MESYUARAT JAWATANKUASA PERUNDINGAN INDUSTRI PADI DAN BERAS NEGARA (JKPIPB) BIL. 2/2026: KPKM MEMPERKUKUH KETERJAMINAN BEKALAN BERAS NEGARA

KUALA LUMPUR, 13 NOVEMBER 2026 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) terus komited dalam memastikan keterjaminan bekalan beras negara sentiasa mampan dan berdaya tahan melalui platform perundingan yang inklusif bersama semua pihak berkepentingan dalam rantaian industri padi dan beras.

Sehubungan dengan itu, KPKM telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Industri Padi dan Beras Negara (JKPIPB) Bilangan 2 Tahun 2026 pada 12 November 2026 yang dipengerusikan oleh YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan. Mesyuarat ini menghimpunkan pemain industri utama daripada pelbagai peringkat rantaian merangkumi pesawah, pengeluar benih, pengilang, pemborong serta Pengurusan Tertinggi KPKM dan Agensi yang berkaitan.

Platform perundingan pada kali ini menumpukan kepada perbincangan strategik bagi mendepani cabaran semasa serta memperkukuh hala tuju sektor padi dan beras negara. Tiga (3) kertas pembentangan dan tumpuan perbincangan mesyuarat kali ini adalah:

1. **Cadangan pembukaan tanah baharu bagi memperkukuh pengeluaran beras negara:** meneliti inisiatif peluasan kawasan penanaman padi baharu yang berpotensi tinggi bagi meningkatkan kadar Tahap Sara Diri (SSR) beras negara secara berperingkat.

2. **Persediaan menghadapi ketidaktentuan geopolitik global:** merangka strategi mitigasi awal terhadap impak ketidaktentuan global, gangguan rantaian bekalan dunia, perubahan iklim serta turun naik harga input pertanian antarabangsa.

3. **Senarai bantuan kepada pesawah di bawah Belanjawan 2027:** memperincikan pakej sokongan, insentif dan bantuan bersasar Kerajaan kepada golongan pesawah bagi meringankan kos operasi serta meningkatkan produktiviti hasil tuaian padi di lapangan.

Setiap pandangan daripada barisan pemain industri amat berharga bagi memastikan sebarang dasar dan pelan tindakan baharu dirangka berpaksikan realiti sebenar di lapangan. Usaha ini adalah kesinambungan komitmen KPKM dalam mencari titk keseimbangan antara kebajikan pesawah, daya maju pengilang dan pemborong serta jaminan bekalan beras berkualiti pada harga yang berpatutan untuk pengguna.

KPKM kekal optimis bahawa penglibatan berterusan bersama pemain industri merupakan kunci utama dalam membina dasar yang kukuh dan berkesan. Syor dan maklum balas yang dibangkitkan dalam mesyuarat ini akan diperincikan oleh Kementerian bagi menambah baik pelaksanaan inisiatif sedia ada serta memperkukuh perancangan masa hadapan. KPKM yakin bahawa sinergi erat antara Kerajaan dan seluruh rantaian industri berupaya memacu sektor padi dan beras negara ke arah ekosistem yang lebih moden, mampan dan berdaya saing.

Dikeluarkan oleh:
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

MALAYSIA MADANI